

Tuntut Suruhanjaya Diraja, jika berani, cabar PAS
Malaysiakini.com
September 28, 2010

Bekas pengerusi Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli sepatutnya menuntut penubuhan Suruhanjaya Diraja berhubung kerugian RM8 bilion yang ditanggung oleh sayrikat pesawat negara itu, jika beliau tiada apa untuk disembunyikan, kata naib presiden PAS, Salahuddin Ayub.

"Jika beliau berpendapat bahawa dakwaan ke atasnya berhubung kerugian itu yang dipersalahkan ke atas adalah tidak benar dan beliau tidak terlibat, saya cabarnya membuat kenyataan rasmi menuntut Suruhanjaya Diraja ditubuhkan bagi membersihkan namanya."

Salahuddin sehubungan itu, menggesa pengerusi Jawatankuasa Khas SPRM, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad membuka kertas siasatan berhubung kes itu.

Salahuddin yang juga menganggotai jawatankuasa khas SPRM itu berikutan tindakan SPRM merujuk aduan eksklusif MAS kepada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJK), Bukit Aman.

Beliau juga mahu pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid supaya membuka kertas siasatan di bawah kuasa parlimen berhubung skandal MAS itu.

Salahuddin berkata Suruhanjaya Diraja diperlukan dalam kes ini kerana ia membabitkan tiga organisasi berprofil tinggi - Jabatan Penyiasatan Jenayah Perdagangan polis (CCID), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan MAS.

kenyataan itu sebagai "kenyataan yang ketinggalan zaman" dan menggambarkan seolah-olah rakyat pada hari ini hidup di zaman batu.

Beliau juga berkata, sudah "menjadi lumrah mana-mana pemerintah yang mengkhianati amanah rakyat cukup bimbang maklumat yang benar sampai kepada rakyat".

"Kerajaan BN tahu mereka akan terus berkuasa selagi rakyat boleh ditipu melalui saluran berita berat sebelah," kata Idris lagi.

"Kerajaan BN sekarang mengalami serangan penyakit fobia kartun , fobia ceramah, fobia kuliah, fobia risalah, fobia Youtube. Mereka merasa gusar apa sahaja strategi yang dibuat tidak menjadi untuk menjerat rakyat supaya menyokong mereka."

Menurut Idris juga, kini terdapat persepsi negatif terhadap media arus perdana sehingga "berita benar pun rakyat kata tipu".